

Tatakelakuan Pekerja Kontinjen

Pengenalan

HP komited kepada standard tertinggi bagi etika perniagaan dan pematuhan kawal selia. Kita mendapat kepercayaan dengan melayani orang lain dengan integriti, hormat dan keadilan. Kita mesti menunjukkan nilai-nilai ini dalam semua interaksi kita, setiap hari.

Skop

Dasar ini berkenaan kepada semua bukan pekerja yang menjalankan perkhidmatan untuk tapak HP atau mereka yang mewakili atau wakil HP kepada pelanggan HP ("pekerja kontinjen"), dan semua pembekal pekerja kontinjen HP. Selain itu, dasar ini dikenakan juga kepada kakitangan HP yang mengurus kontrak dan pekerja migran.

Dasar

Semua pekerja kontinjen mesti, di bawah arahan dan kawalan majikan mereka masing-masing, mematuhi peruntukan yang ditetapkan dalam Tatakelakuan Pekerja Kontinjen ini. Pekerja kontinjen mesti juga mematuhi semua undang-undang, kaedah dan peraturan kerajaan yang dikenakan kepada HP di lokasi mereka.

Semua pembekal pekerja kontinjen kepada HP akan mematuhi dan memastikan bahawa pekerja kontinjen menyedari, dilatih, dan mematuhi Tatakelakuan Pekerja Kontinjen ini dan semua undang-undang, kaedah dan peraturan kerajaan yang dikenakan kepada HP di lokasi mereka.

Kita mesti memastikan bahawa pekerja kontinjen dan pembekal pekerja kontinjen berkongsi komitmen kita untuk menjalankan perniagaan dengan integriti.

Pekerja kontinjen dikehendaki untuk bertindak dengan standard etika perniagaan yang tertinggi dan tidak boleh terlibat dalam apa-apa kelakuan atau tingkah laku yang menipu, yang menyalahi undang-undang atau tidak beretika.

Selain Tatakelakuan Pekerja Kontinjen ini, pekerja kontinjen juga mesti mematuhi apa-apa dasar HP yang menyatakan bahawa tatakelakuan itu dikenakan kepada pekerja kontinjen.

Peluang sama rata

Diskriminasi yang tidak sah di tempat kerja adalah dilarang. Apabila menjalankan urusan HP, pekerja kontinjen tidak boleh mendiskriminasikan sesiapa disebabkan oleh jantina, warna kulit, bangsa, keetnikan, asal kerakyatan, agama, umur, status perkahwinan, orientasi seksual, identiti dan ekspresi jantina, ketakupayaan, kehamilan, status veteran yang dilindungi, maklumat genetik yang dilindungi, dan ikatan politik atau apa-apa ciri yang dilindungi oleh undang-undang.

Persekitaran kerja

HP komited untuk mengekalkan persekitaran kerja yang bebas daripada diskriminasi dan gangguan, tempat yang melayani pekerja dengan bermaruah dan hormat. Gangguan di tempat kerja adalah dilarang. Semasa menjalankan urusan HP, pekerja kontinjen tidak boleh berkelakuan yang tidak menghormati, bermusuhan, ganas, menakut-nakuti, mengancam atau mengganggu. Gangguan seksual boleh berlaku dalam pelbagai bentuk dan semua bentuk adalah tidak boleh

diterima. Ini termasuk apa-apa kelakuan terhadap mana-mana pekerja atau rakan sejawat yang melibatkan permintaan seksual yang tidak diingini, permintaan untuk mendapatkan layanan seksual, paparan fizikal atau imej komputer poster eksplisit seksual, gambar, kartun atau lukisan, dan apa-apa kelakuan lisan atau fizikal yang bersifat seksual.

Pekerja kontinjen mesti mematuhi kesihatan persekitaran, dasar dan prosedur keselamatan dan sekuriti, dan betulkan atau laporkan apa-apa ancaman persekitaran, kesihatan, keselamatan atau sekuriti. Tindakan keganasan tempat kerja tidak akan ditoleransi. Keganasan tempat kerja termasuk tindakan atau ancaman keganasan fizikal dan apa-apa kelakuan yang cukup teruk, menjengkelkan atau menakut-nakuti sehingga menyebabkan individu lain berasa takut yang tidak wajar atau berasa bimbang tentang keselamatannya atau keselamatan keluarga atau hartanya.

Antirasuah

Pekerja kontinjen tidak boleh menawarkan rasuah, sogokan terlibat dalam amalan rasuah. Pekerja kontinjen mesti mematuhi semua standard etika dan undang-undang yang berkuat kuasa di setiap negara HP menjalankan perniagaan.

Antirasuah: Pekerja kontinjen tidak boleh menawarkan atau memberikan rasuah, sogokan atau hadiah untuk memenangi atau mengekalkan perniagaan atau untuk mempengaruhi keputusan perniagaan secara tidak wajar. Pekerja kontinjen dilarang daripada menawarkan, menjanjikan atau memberikan wang atau apa-apa yang bernilai, sama ada secara langsung atau tidak langsung, oleh pekerja atau melalui pihak lain, kepada sesiapa pun untuk mendapatkan atau mengekalkan perniagaan atau sebaliknya mendapatkan kelebihan perniagaan di mana-mana negara. Akta Amalan Rasuah Asing A.S. (FCPA) dan Akta Sogokan UK (UKBA) melarang apa-apa pembayaran atau hadiah kepada pegawai dan pekerja kerajaan, parti politik, calon untuk jawatan awam atau politik, atau ahli keluarga diraja untuk tujuan memenangi atau mengekalkan perniagaan. Ini termasuk apa-apa entiti apabila sesebuah kerajaan itu mempunyai pemilikan yang melebihi 50% atau sebaliknya mengawal entiti tersebut. UKBA juga melarang apa-apa pembayaran atau hadiah kepada entiti perdagangan untuk tujuan memenangi atau mengekalkan perniagaan.

- FCPA dan UKBA dikenakan kepada tindakan semua pekerja HP, subsidiari HP, usaha sama, pekerja kontinjen, ejen dan wakil.
- Secara rigkas, antirasuah bermakna tidak menerima atau pembayaran bagi:
 - Apa-apa yang bernilai yang diberikan untuk tujuan memenangi atau mengekalkan perniagaan
 - Apa-apa bentuk rasuah atau sogokan

Pembayaran Pemudahan: Melainkan tertakluk kepada dures, pekerja kontinjen tidak boleh menawarkan atau membuat pembayaran pemudahan kepada mana-mana pegawai kerajaan untuk tindakan kerajaan yang rutin, sama ada secara langsung atau tidak langsung. Dures berlaku apabila pekerja kontinjen berasa takut akan bahaya fizikal atau pemenjaraan jika pembayaran pemudahan tidak dibuat dan tiada terdapat alternatif bagi mematuhi tuntutan itu. Pengecualian dures dikenakan hanya kepada pembayaran satu kali, biasanya bernilai kecil. Pembayaran pemudahan yang berulang atau pembayaran pemudahan bernilai tinggi adalah tidak dibenarkan. Apa-apa tuntutan atau pembayaran pemudahan mesti dilaporkan kepada HP Perundangan dalam masa 24 jam daripada pembayaran tersebut.

Antipemerdagangan Manusia

HP tidak membenarkan buruh kanak-kanak, penjara, paksa atau yang diseludup di dalam operasi kita. Pembekal pekerja kontinjen dan pekerja kontinjen adalah dilarang daripada terlibat dalam pemerdagangan manusia, yang termasuk tetapi tidak terhad kepada pergerakan orang yang menyalahi

undang-undang, pemerdangan manusia, pengeksploitan seksual, dan penggunaan buruh paksa atau kanak-kanak daripada apa-apa bentuk.

HP, pekerja, kontraktor, subkontraktor (termasuk pembekal dan ejen), pekerja kontinjen dan mereka yang menjalankan kerja bagi pihak HP adalah dilarang daripada:

- Terlibat dalam "bentuk pemerdagangan yang teruk" bagi orang semasa tempoh pelaksanaan kontrak tersebut;
- Memperoleh tindakan seks komersial semasa tempoh kontrak;
- Menggunakan buruh paksa semasa melaksanakan kontrak tersebut;
- Memusnahkan, menyembunyikan, merampas, atau sebaliknya tidak membenarkan pekerja daripada mendapatkan dokumen identiti atau imigresen pekerja tersebut;
- Menggunakan amalan perekrutan yang mengelirukan atau menipu, seperti kegagalan untuk mendedahkan maklumat asas atau membuat gambaran yang salah bagi maklumat penting semasa perekrutan pekerja berkaitan dengan terma dan syarat pekerjaan yang penting, termasuk gaji dan faedah sampingan, dan, jika berkenaan, sifat berbahaya kerja tersebut;
- Mengenakan bayaran perekrutan kepada pekerja atau calon pekerja;
- Kegagalan untuk memberikan pengangkutan pulang tertentu atau bayaran kos pengangkutan pulang setelah sampai tamat pekerjaan, jika berkenaan;
- Menyediakan atau mengaturkan tempat tinggal yang gagal memenuhi standard perumahan dan keselamatan negara hos, kegagalan untuk memberikan kontrak pekerjaan, perjanjian perekrutan, atau dokumen kerja yang serupa, tertulis dalam bahasa yang difahami oleh pekerja sekurang-kurangnya 5 hari sebelum menukar lokasi kerja pekerja.

Selaras dengan Integriti di HP, pekerja kontinjen dikehendaki melayani semua orang dengan adil, bermaruah dan hormat. HP komited untuk mengambil tindakan terhadap pemerdagangan manusia, buruh kanak-kanak, buruh paksa di operasi kita. Jika aktiviti tersebut berlaku, respons HP boleh termasuk menamatkan kontrak dan langkah-langkah lain yang sedemikian akan memastikan tiada aktiviti tidak wajar lanjut berlaku.

Pekerja kontinjen yang percaya dia telah menjadi mangsa pemerdagangan manusia, buruh kanak-kanak atau buruh paksa, atau mengetahui tentang kesalahan tersebut hendaklah melaksanakan Dasar Pintu Terbuka HP untuk melaporkan insiden itu kepada pengurusnya, tahap pengurusan seterusnya, Sumber Manusia atau Pejabat Etika dan Pematuhan.

Pekerjaan Adil

Apabila pembekal pekerja kontinjen merekrut pekerja, maklumat yang diberikan kepada bakal calon tentang bakal kerja hendaklah jujur dan calonnya tidak akan dikenakan bayaran pemohon atau perekrutan. Pembekal pekerja kontinjen akan mematuhi undang-undang gaji dan jam yang dikenakan dan secara umum akan membayar pekerja dengan tetap dan pada selang masa yang tidak melebihi satu bulan*; akan membayar gaji mengikut statut gaji negara yang berkuat kuasa dan tidak menahan potongan sebagai langkah disiplin; tidak akan mencampur tangan dengan kawalan pekerja terhadap atau mengakses dokumen identiti atau passport mereka; dan pekerja bebas untuk meletakkan jawatan pada bila-bila masa.

**Semua Perundangan Negara dan Perjanjian Majlis Pekerja akan dikenakan.*

Kebebasan Berpersatuan.

Pembekal pekerja kontinjen akan menghormati hak pekerja untuk menganjurkan kesatuan buruh dan menawarkan secara kolektif mengikut undang-undang setempat adan amalan yang telah mantap.

Hadiah dan keraian perniagaan

Pekerja kontinjen tidak boleh memberikan atau menerima ameniti perniagaan (hadiah, jamuan,

perkhidmatan, keraian atau apa-apa yang lain yang bernilai) apabila melakukan hal tersebut akan mewujudkan gambaran ketakwajaran atau pengaruh yang tidak wajar. Sekatan ini dikenakan kepada amenities yang diberikan kepada atau diterima daripada wakil HP, atau pelanggan semasa atau bakal pelanggannya, rakan niaga saluran, pembekal, rakan niaga lain atau pesaing. Jika anda mempunyai soalan, sila hubungi majikan anda atau amenities@hp.com.

Yuran pencari

Pekerja kontinjen tidak boleh mengikat apa-apa peraturannya komisen atau yuran, melainkan di bawah perjanjian bertulis, dengan pengedar komersial, wakil jualan, ejen, atau perunding, dan apa-apa peraturannya komisen atau yuran yang sedemikian mesti diluluskan terlebih dahulu oleh HP Perundangan.

Konflik kepentingan

Apabila menjalankan perniagaan HP, pekerja kontinjen mesti sentiasa membuat keputusan demi kepentingan HP dan berdasarkan kontrak dengan majikan mereka. Pekerja kontinjen tidak boleh menerima apa-apa keuntungan atau kelebihan peribadi, selain pampasan daripada majikan mereka, berhubung dengan apa-apa transaksi yang melibatkan HP.

Pekerja kontinjen tidak boleh terlibat dalam:

- Apa-apa aktiviti yang akan menimbulkan konflik kepentingan yang berkaitan dengan majikan mereka dan/atau HP.
- Apa-apa aktiviti yang boleh ditanggap sebagai kemungkinan konflik kepentingan yang berkaitan dengan majikan mereka dan/atau HP.

Pekerja kontinjen mesti hanya menggunakan produk HP semasa berada di: (1) mana-mana Tapak HP, (2) mana-mana pertemuan luar tapak HP, dan/atau (3) apa-apa acara atau pertemuan apabila pekerja kontinjen mengikut serta bagi pihak HP atau atas permintaan HP.

Perniagaan dengan keluarga atau rakan

Semasa tugas HP mereka, pekerja kontinjen mesti mendedahkan kepada pekerja mereka dan HP semua situasi yang mungkin mereka jalankan perniagaan dengan ahli keluarga, rakan mereka atau orang lain yang mempunyai hubungan peribadi yang rapat. Pekerja kontinjen hendaklah merujuk pengurusnya atau hubungan HP jika dia mempunyai soalan tentang keadaan yang mungkin mewujudkan konflik kepentingan.

Bekerja dengan pihak ketiga

Pihak ketiga dikenal pasti sebagai pesaing HP, rakan niaga saluran, pembekal (selain majikan CW), dan rakan niaga dan pelanggan HP yang lain.

Jika dinyatakan atau diliputi dalam kontrak dengan majikan mereka, pekerja kontinjen tidak boleh bekerja untuk mana-mana pihak ketiga semasa menjalankan tugas di HP. Kontrak HP dengan pembekal mesti menyatakan peraturan untuk perhubungan dengan mana-mana pihak ketiga yang lain (seperti rakan niaga saluran, pesaing, dan pelanggan yang tidak ditetapkan dalam kontrak).

Menggunakan sumber HP

Apa-apa penggunaan aset, sumber atau peralatan HP, termasuk komputer dan sistem maklumat syarikat, mestilah untuk tujuan HP semata-mata dan mesti selaras dengan semua dasar dan garis panduan HP. Pekerja kontinjen tidak boleh menggunakan apa-apa sumber HP yang melanggar undang-undang dan tidak boleh membenarkan orang lain, termasuk rakan dan keluarga, untuk

menggunakan sumber HP. Pekerja kontinjen hendaklah mengelakkan apa-apa kegunaan yang mungkin menyebabkan kerugian atau kerosakan, termasuk pengenalan virus atau pelanggaran terhadap keselamatan IT HP. Kecurian atau pemilikan yang tidak dibenarkan atau penggunaan aset HP adalah dilarang.

Sumber HP tidak boleh digunakan untuk mewujudkan, menghantar, menyimpan, menyalin atau memaparkan mesej, imej atau bahan yang:

- Untuk kegunaan peribadi
- Pengumpanan
- Surat berantai
- Mengancam, pornografi, bersifat seks yang eksplisit, mengganggu, merendahkan atau menyerang

HP boleh, sebagaimana yang dibenarkan oleh undang-undang setempat yang berkuat kuasa, mengakses dan memeriksa semua sumber HP yang boleh digunakan oleh pekerja kontinjen, termasuk komputer HP, pelayan dan sistem, telefon, sistem mel suara dan e-mel, meja, lokar, kabinet, kawasan penyimpanan, kenderaan dan peralatan lain milik HP. Atas sebab yang berkaitan dengan keselamatan, sekuriti dan kebimbangan lain, HP boleh memeriksa orang dan harta di premis HP pada bila-bila masa dan tanpa notis, sebagaimana dibenarkan oleh undang-undang setempat yang berkuat kuasa.

Pekerja kontinjen tidak sepatutnya mempunyai apa-apa jangkaan privasi peribadi dalam apa-apa mesej atau rekod yang dibuat, dihantar atau disimpan melalui sistem HP. HP memiliki semua e-mel perniagaan, mel suara dan apa-apa data bukan peribadi lain daripada apa-apa jenis yang disimpan di atau dihantar melalui peralatan HP. Sebagaimana yang dibenarkan oleh undang-undang setempat yang berkuat kuasa, HP boleh mengakses atau mendapatkan semula data yang sedemikian pada bila-bila masa.

Kerahsiaan

Pekerja kontinjen dikehendaki membiasakan diri dengan dan mematuhi apa-apa terma kerahsiaan khusus yang dipersetujui antara pekerja mereka dan HP. Jika perjanjian yang meliputi perlindungan maklumat sulit tidak wujud, pekerja kontinjen mesti mengandaikan bahawa semua maklumat yang diberikan kepada mereka semasa menjalankan perniagaan HP adalah sulit. Ini termasuk maklumat pihak ketiga yang HP mungkin telah terima, seperti maklumat daripada pembekal, pelanggan atau rakan niaga HP. Maklumat sulit hanya boleh digunakan untuk tujuan perniagaan yang sah dan mesti dilindungi daripada pendedahan kepada pihak ketiga oleh pekerja kontinjen dengan tahap penjagaan yang sama sepertimana maklumat sulit majikan mereka.

Pekerja kontinjen mesti memahami dan mematuhi dasar Hp berkenaan dengan perlindungan maklumat sulit dan penggunaan media sosial, termasuk forum pengguna, blog, bilik sembang, dan papan buletin, dan tidak sekali-kali boleh membincangkan hak milik intelektual HP, rahsia perdagangan, dan maklumat sulit syarikat yang lain di media sosial.

Maklumat sulit pihak ketiga

- Bekas majikan: Pekerja kontinjen dikehendaki menghormati apa-apa pendedahan yang sah atau menggunakan sekatan terhadap maklumat sulit majikan semasa atau bekas majikan mereka. Maklumat sulit yang sedemikian dalam apa-apa bentuk yang ketara atau boleh baca mestilah dikemukakan ke premis HP tanpa kebenaran bertulis terlebih

- dahulu daripada bekas majikan tersebut.
- Pesaing: Pekerja kontinjen tidak boleh meminta, menerima, menggunakan atau berkongsi maklumat sulit pesaing HP.
- Pihak ketiga yang lain: Pekerja kontinjen tidak boleh mendedahkan maklumat sulit pelanggan, rakan niaga, atau pembekal, termasuk maklumat harga bukan awam.
- Pekerja kontinjen tidak sekali-kali boleh memujuk sesiapaapun untuk melanggar apa-apa kewajipan kerahsiaan.

Rekod

Semua rekod yang diwujudkan semasa menjalankan perniagaan HP mesti lengkap dan tepat, dan mesti dikekalkan, dilindungi dan dilupuskan mengikut dasar HP. Semua pembayaran jujur yang dibuat bagi pihak HP mesti didokumenkan dengan betul. Pekerja kontinjen tidak boleh mengikat apa-apa surat sampingan atau perjanjian sampingan atau mewujudkan apa-apa dana atau aset HP yang tidak didedahkan atau direkodkan untuk apa-apa tujuan. Rekod termasuk e-mel dan komunikasi lain, dan pekerja kontinjen hendaklah berkomunikasi secara profesional.

Pemasaran kelabu (samar)

Pekerja kontinjen mesti menggunakan usaha wajar untuk mencegah situasi yang boleh menyebabkan pemasaran kelabu bagi produk HP. Pemasaran kelabu adalah perdagangan produk melalui saluran pengedaran yang tidak rasmi, tidak dibenarkan atau tidak dimaksudkan oleh HP. Pekerja kontinjen mesti segera melaporkan apa-apa aktiviti pemasaran kelabu kepada majikan mereka, dan juga kepada Pejabat Etika dan Pematuhan HP.

Pematuhan perdagangan global

Pekerja kontinjen mesti melengkapkan latihan pematuhan Kastam dan Eksport Perdagangan Global dan memahami serta mematuhi dasar dan prosedur Perdagangan Global HP untuk memastikan produk, perkhidmatan, dan teknologi HP adalah tidak diimport, dieksport atau dipindahkan dengan cara yang melanggar undang-undang yang berkuat kuasa.

Perdagangan orang dalam

Pekerja kontinjen kadang kala, boleh mengakses maklumat bukan awam penting, yang merupakan maklumat sulit berkenaan dengan perniagaan, kewangan atau strategi HP yang akan dianggap penting oleh pelabur yang munasabah semasa memutuskan sama ada untuk membeli, menjual, atau menahan sekuriti—dan maklumat itu belum dikeluarkan kepada orang awam. Meniagakan saham, atau menyebabkan saham diniagakan, berdasarkan maklumat bukan awam yang penting, tanpa mengira saiz perdagangan atau lokasi pedagang itu, adalah melanggar undang-undang sekuriti A.S. dan, bergantung pada keadaan, undang-undang negara lain. Sesiapa yang melanggar undang-undang ini boleh tertakluk kepada sekatan sivil dan jenayah yang berat.

Bekerja di negara lain

Apabila pekerja kontinjen sedang menjalankan perniagaan HP di luar negara kediamannya, pekerja kontinjen mesti memastikan pematuhan dengan undang-undang imigresen, dan mendapatkan pengesahan yang betul (termasuk permit dan visa kerja), di setiap negara yang mereka jalankan perniagaan atau menjalankan kerja.

Perbincangan dengan sidang akhbar atau media

Pekerja kontinjen tidak dibenarkan bercakap dengan media bagi pihak HP. Semua komunikasi dengan pelabur, penganalisis, dan media berkaitan dengan perniagaan HP mesti diluluskan dahulu oleh

Hubungan Pelabur, Komunikasi Korporat HP, atau pakar komunikasi HP yang sewajarnya. Jika anda dihubungi oleh ahli media berita, rujuk mereka secara langsung kepada Hubungan Media Korporat HP: mediarelations@hp.com

Privasi

“Pekerja kontinjen mesti mematuhi standard dan spesifikasi dasar Privasi dan Perlindungan Data HP, serta apa-apa pematuhan luaran tatakelakuan atau standard yang dikehendaki oleh HP semasa menjalankan perniagaan HP dan semasa menggunakan sistem, proses, produk dan perkhidmatan dalam talian dan luar talian yang melibatkan penggunaan, penyimpanan atau apa-apa penghantaran data peribadi daripada pelanggan, rakan niaga, pekerja HP dan individu lain. Data peribadi adalah apa-apa maklumat yang berkaitan dengan orang yang dikenal pasti, atau maklumat yang boleh menyebabkan pengenalpastian seseorang secara langsung atau tidak langsung.

Bukan pengumpanan

Pekerja kontinjen tidak boleh mengumpan mana-mana pekerja HP semasa waktu kerja pekerja HP untuk tujuan yang tidak berkaitan dengan urusan HP mereka. Pekerja kontinjen tidak boleh mengedarkan risalah atau bahan lain di dalam kawasan kerja HP, atau mengumpan atau mengedarkan bahan atas apa-apa sebab yang tidak berkaitan dengan urusan HP mereka, termasuk untuk tujuan kebajikan.

Kerjasama dengan penyiasatan dan audit

Pekerja kontinjen mesti bekerjasama dengan semua penyiasatan dan audit dalaman HP, dan mesti memberitahu kebenaran sepenuhnya dan memberikan semua dokumen yang berkenaan apabila memberi respons kepada penyiasatan atau audit. Pekerja kontinjen tidak boleh memusnahkan atau meminda apa-apa rekod, dan tidak boleh membincangkan tentang penyiasatan dalaman dengan sesiapa pun, di dalam atau luar HP, melainkan dibenarkan untuk melakukannya oleh penyiasat dalaman atau semasa berkomunikasi dengan agensi kerajaan selaras dengan undang-undang setempat.

Prinsip tambahan

Tatakelakuan Pekerja Kontinjen mesti dibaca dan dipatuhi bersama-sama tatakelakuan dan dasar yang berkuat kuasa (jika ada) daripada majikan pekerja kontinjen tersebut. Selain itu, keperluan yang ditetapkan di atas adalah tidak menyeluruh. Apa kelakuan yang boleh menimbulkan persoalan tentang komitmen HP kepada standard etika dan pematuhan yang tertinggi adalah dilarang. Pekerja kontinjen yang mempunyai pertanyaan berkenaan Tatakelakuan Pekerja Kontinjen ini hendaklah menghubungi majikan mereka, ahli pengurusan HP atau Pejabat Etika dan Pematuhan HP.

Melaporkan pelanggaran

Pekerja kontinjen mempunyai kewajipan untuk segera melaporkan apa-apa salah laku yang didakwa, termasuk salah laku oleh pekerja, klien, kontraktor, rakan niaga dan pembekal HP. Pekerja kontinjen hendaklah sentiasa bertindak jujur dan secara suci hati, dan dengan rasa hormat apabila mengemukakan kebimbangan yang berkaitan atau sebaliknya menggunakan Tatakelakuan Pekerja Kontinjen.

Pekerja kontinjen hendaklah melaporkan kepada majikan mereka, dan ahli pengurusan HP atau Pejabat Etika dan Pematuhan HP. HP tidak mentoleransi tindakan balas terhadap sesiapa yang mengemukakan sesuatu kebimbangan secara jujur dan suci hati.

Pejabat Etika dan Pematuhan HP boleh dihubungi sebagaimana berikut:

- **Telefon:** Dari mana sahaja di dunia, hubungi talian dalam negara untuk melaporkan kebimbangan. Senarai nombor telefon dalam negara boleh diakses [di sini](#). Talian telefon

- tersedia 24 jam pada setiap hari dan menyokong laporan tanpa nama.
- **Borang web:** Laporan kebimbangan menggunakan [alat serahan borang web](#). Kaedah ini menyokong laporan tanpa nama.
 - **Mel:**
HP Inc.
Ethics and Compliance Office
Mailstop 1560
1501 Page Mill Road
Palo Alto, CA 94304-1112
United States

Ini ialah versi HP001-04, *Ttakelakuan Pekerja Kontinjen*, disediakan untuk Portal HP.

© 2020 HPDC LP
01/06/2020